

BAB EMPAT

Dapatan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meneliti strategi yang digunakan oleh dua orang murid Melayu tahun lima, iaitu Kasim dan Salmah (bukan nama sebenar), semasa mereka mengalami proses pemahaman bacaan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menerokai aspek kesedaran murid tersebut terhadap strategi yang telah mereka gunakan. Secara khusus, bab ini akan menjawab dua soalan yang berikut:

- (i) Strategi apakah yang murid sekolah rendah gunakan semasa proses pemahaman bacaan?
- (ii) Sejauh manakah murid menyedari tentang kewujudan dan penggunaan strategi tersebut?

Oleh yang demikian, bab ini akan memaparkan bentuk strategi yang murid sekolah rendah gunakan semasa mereka melalui proses pemahaman bacaan. Selain itu, kesedaran murid terhadap penggunaan strategi tersebut juga akan dibincangkan. Namun begitu, disebabkan penggunaan strategi tersebut berlaku di dalam suatu konteks pembelajaran, perbincangan awal bab ini akan tertumpu kepada aspek latar tempat berlakunya proses pemahaman bacaan.

Secara khusus, bab empat ini dimulakan dengan huraian latar tempat kajian, yakni kelas 5S. Menyusuli itu ialah perincian tentang amalan pengajaran kemahiran pemahaman bacaan guru. Ini diikuti pula dengan pembentangan tentang strategi pemahaman bacaan yang digunakan oleh setiap peserta kajian. Mengakhiri bab empat ini ialah perbincangan tentang aspek kesedaran peserta kajian terhadap strategi yang mereka gunakan.



Latar Tempat Kajian: Kelas 5S

Kelas 5S ini terletak di tingkat kedua blok B SKSI dan bertentangan dengan bilik guru yang terletak di blok A. Ia diapit oleh bilik tayangan di sebelah hadapan kelas dan kelas 5R di sebelah belakangnya. Kedudukan yang sedemikian rupa telah menghindarkan kelas tersebut daripada gangguan kebisingan jika dibandingkan dengan kelas lain yang terletak di antara dua kelas.


Murid yang mendapat pencapaian tinggi dalam peperiksaan akhir tahun di SKSI, selalunya ditempatkan di kelas S. Begitu juga dengan murid di kelas 5S ini. Dengan perkataan yang lain, kelas 5S ialah kelas terbaik daripada lima buah kelas tahun lima yang lain.

Kerusi meja murid diatur secara berpasangan dalam barisan yang lurus seperti yang dipaparkan dalam rajah 2. Kasim duduk bersebelahan dengan seorang murid India di barisan hadapan sekali dan berhampiran dengan pintu. Salmah pula duduk di barisan kedua, yakni di belakang rakan sebelah Kasim. Kedudukan yang sedemikian, memudahkan pengkaji membuat pemerhatian terhadap kedua-duanya sekali.

Berbanding dengan kelas tahun lima yang lain yang lazimnya mempunyai bilangan murid seramai 40 orang, kelas 5S hanya mempunyai 36 orang murid sahaja. Daripada jumlah tersebut, 24 orang adalah murid Melayu, tujuh orang murid India, dan seorang murid berketurunan Thailand. Komposisi murid mengikut kaum di kelas 5S adalah selaras dengan komposisi murid sekolah ini seperti yang digambarkan dalam rajah 3.



Rajah 2. Rangka Susunan Bilik Darjah SS



Rajah 3: Pembahagian Murid Mengikut Keturunan

Sebagai guru kelas dan guru Bahasa Melayu kelas 5S, Cikgu Zainun memasuki kelas ini setiap hari. Pemerhatian menunjukkan murid di kelas 5S adalah sentiasa aktif dan sering berebut-rebut mengangkat tangan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran dan ini termasuk juga dalam masa pengajaran pemahaman bacaan

Bagi mendapatkan gambaran yang mendalam tentang bentuk pengajaran pemahaman bacaan di kelas 5S ini, bahagian yang berikutnya pula akan membentangkan amalan pengajaran Cikgu Zainun.

Amalan Pengajaran Kemahiran Pemahaman Bacaan Cikgu Zainun

Berumur 44 tahun, Cikgu Zainun telah mendapat latihan iktisasnya di Maktab Peguruan Perempuan Melayu, Melaka pada tahun 1976/1977. Bidang pengkhususannya semasa di maktab ialah Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Ini bererti semasa di maktab dahulu, Cikgu Zainun telah mendapat pendedahan mengajar bagi semua mata pelajaran. Sungguhpun begitu, pendedahan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu adalah jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang lain. Apabila ditanya tentang pendedahan yang diterimanya semasa di maktab, Cikgu Zainun menjawab,

Asyik-asyik teori. Lepas tu kaedah pe...pe...peda apa tu? Ha... pedagogi. Kaedah-kaedah yang umum, tu ajalah. Mereka mana ajar kita macam mana nak ajar karangan atau pemahaman bacaan. Tatabahasa tu adalah sikit. Kita mengajar tu kan, masa kita pergi praktikal tu kan “blank” betul. “Blank” tu kita tanya macam mana nak mengajar sedangkan dia tak ajar. Betul-betul “paniklah” mula-mula tu.

Ini bermakna, semasa di maktab dahulu Cikgu Zainun tidak pernah belajar tentang cara-cara untuk mengajarkan pemahaman bacaan. Perkara ini jelas dilihat melalui kata-katanya ini, “Ha...macam tahun enam tu saya tanya Kak Halimah (bukan nama sebenar). Kita belajar ni orang kata apa tu, ha...belajar dalam masa mengajarlah”. Bagi Cikgu Zainun, pengalaman mengajar pemahaman bacaan banyak ditimbanya melalui rakan sejawat daripada belajar di maktab.

Setiap pagi Isnin, Cikgu Zainun akan membuka buku ringkasan mengajarnya dan melihat kelompok-kelompok yang akan diajarkan pada minggu tersebut. Selepas itu Cikgu Zainun mengeluarkan beberapa buah buku teks dan membalik-balikkan muka suratnya bagi mencari tajuk yang sesuai. Setelah menentukan pilihannya, Cikgu Zainun membaca petikan tersebut. Mana-mana perkataan yang baru akan digariskan dan dengan menggunakan sebuah kamus, Cikgu Zainun mencari maksud perkataan itu, lalu menuliskan kata seertinya di atas perkataan tersebut.

Beliau terpaksa merujuk pada kamus kerana pada peringkat awal pemerhatian, beliau pernah ditanya oleh murid tentang makna perkataan yang beliau sendiri tidak boleh menjawabnya. Contohnya dalam suatu pengajaran, seorang murid telah bertanya kepada Cikgu Zainun tentang erti perkataan “logistik”. Cikgu

Zainun tidak dapat menjawab soalan murid tersebut. Sebaliknya Cikgu Zainun berkata, “logistik tu datang dari kata logiklah ya”, sedangkan kedua-dua kata tersebut mempunyai erti yang berlainan. Walaupun murid kelihatan tidak berpuas hati, namun Cikgu Zainun meneruskan pengajarannya.

Jika persediaan mengajarnya dilaksanakan sebelum memasuki kelas, ringkasan mengajar Cikgu Zainun pula ditulis pada hari terakhir sesuatu minggu, iaitu pada hari Jumaat. Menurut Cikgu Zainun, “Kalau tulis dulu tu, kadang-kadang lain yang ditulis lain yang diajar. Baik tulis kemudian”. Lantaran itu, ringkasan mengajar bagi Cikgu Zainun lebih merupakan diari tempat beliau mencatatkan apa yang telah diajarnya.

Sehingga laporan ini ditulis, sebanyak sebelas tajuk pengajaran (sila lihat lampiran B) pemahaman bacaan, telah diperhatikan. Tajuk-tajuk tersebut merangkumi bentuk cerita, rencana, laporan, pengumuman, surat kiriman, dan puisi. Pemilihan jenis bahan bacaan tersebut adalah berpandukan kepada sukatan pelajaran.

Pelajaran biasanya dimulakan dengan aktiviti prabacaan. Pada peringkat ini, murid diminta datang ke hadapan kelas untuk melakonkan sesuatu ataupun untuk bercerita. Aktiviti ini hanya mengambil masa tidak lebih daripada lima minit. Kadangkala cerita yang dibawa oleh murid sememangnya sesuai dengan aktiviti selanjutnya tetapi kadangkala cerita tersebut menyimpang jauh pula daripada tajuk pelajaran yang diajarkan. Misalnya dalam suatu pengajaran, Cikgu Zainun telah meminta beberapa orang murid India menceritakan pengalaman mereka menyambut hari Taipusam sedangkan pelajaran pada hari tersebut adalah berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selepas aktiviti prabacaan itu, Cikgu Zainun beralih pula kepada aktiviti bacaan nyaring. Lazimnya, beberapa orang murid diminta membacakan petikan secara bergilir-gilir. Murid di kelas 5S nampaknya gemar dengan aktiviti ini dan

mereka sentiasa berebut-rebut mengangkat tangan bagi mendapatkan giliran tersebut.

Sebaik sahaja murid habis membaca keseluruhan petikan, guru pula yang akan membacakan petikan itu secara nyaring. Sambil membaca, Cikgu Zainun membuat penjelasan lanjut tentang mana-mana bahagian yang difikirkan perlu. Murid di kelas 5S nampaknya mempunyai hubungan yang mesra dengan Cikgu Zainun. Mereka tidak merasa kekok atau takut untuk bertanya ataupun menjawab soalan yang diajukan kepada mereka. Umpamanya semasa Cikgu Zainun sedang menjelaskan tentang sesuatu, seorang murid India telah bertanya kepadanya akan maksud perkataan “serai”. Sehubungan itu, Cikgu Zainun telah membuat penjelasan lanjut tentang perkataan tersebut.


Peringkat bacaan itu pula, biasanya diikuti oleh peringkat pasca bacaan. Pada peringkat tersebut, Cikgu Zainun akan bersoaljawab dengan murid secara lisan. Biasanya soalan yang diajukan adalah berdasarkan soalan yang tercetak dalam bahan bacaan. Sekali lagi murid kelas 5S kelihatan berebut-rebut hendak menjawab. Sifat Cikgu Zainun yang tidak suka mengatakan jawapan seseorang murid itu ‘salah’ atau ‘tidak betul’ telah membuatkan satu-satu soalan itu dijawab oleh beberapa orang murid. Bagi Cikgu Zainun, “Kalau tak terima tu nanti kita tak menggalakkan dia orang menjawabkan?...Sebab kita nak menggalakkan dia menjawab. Bila dia jawab ha...asyik tak betul pun nanti dia “fed-up” kan?” Lantaran itu, selagi murid tidak memberikan jawapan yang tepat, Cikgu Zainun akan terus menyoal dan membimbing mereka ke arah jawapan yang dikehendakinya. Setelah murid memberikan jawapan itu, Cikgu Zainun membacakan pula jawapan yang tercetak dalam buku panduan beliau.

Ketiadaan pendedahan yang cukup dan kekurangan panduan yang lengkap telah menyebabkan Cikgu Zainun menjadi begitu taasub dengan jawapan yang buku panduan beliau berikan. Dalam pengajaran mencari isi penting misalnya, Cikgu

Zainun telah meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap panduan yang diberikan oleh sukatan pelajaran. Menurut beliau, “Itulah dia suruh kita cari sahaja. Dia tak ada beri panduan tentang cara-cara macam mana nak dapatkan isi-isi penting tu”.

Pelajaran pemahaman bacaan biasanya diakhiri dengan aktiviti menjawab soalan secara bertulis. Sekiranya murid dapat menghabiskan kerja bertulis mereka sebelum loceng berbunyi, guru akan menyuruh mereka menghantar buku latihan tersebut ke hadapan dan meletakkannya di atas rak buku. Jika tidak habis, murid boleh menyudahkan kerja tersebut di rumah dan menghantarnya pada keesokan hari pula.

Secara ringkas bentuk pengajaran Cikgu Zainun boleh digambarkan seperti dalam rajah 4.



Rajah 4 : Proses Pengajaran Pemahaman Bacaan Cikgu Zainun

Bentuk pengajaran Cikgu Zainun yang sedemikian rupa telah mencorakkan bentuk pemelajaran dua orang murid dalam kajian ini. Sehubungan itu, bahagian yang seterusnya pula, akan memaparkan aspek latar belakang kedua-dua peserta

kajian.

Latar Belakang Peserta Kajian

Kajian ini telah memilih dua orang murid SKSI sebagai peserta kajian. Murid tersebut akan dikenali sebagai “peserta kajian” manakala perkataan “murid” pula digunakan bagi menunjukkan penglibatan peserta kajian dengan murid kelas 5S yang lain. Kedua-dua peserta kajian tersebut adalah penutur jati bahasa Melayu dan menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Mereka belajar di kelas yang sama. Ini bermakna tahap pencapaian mereka adalah hampir sama. Begitu juga dengan panduan dan pendedahan yang mereka terima di sekolah.

Peserta kajian yang pertama dikenali sebagai Kasim manakala peserta kajian yang kedua pula dikenali sebagai Salmah. Kedua-dua murid tersebut, datang ke sekolah setiap hari kecuali pada hari Ahad. Sekolah bermula dari jam 7.40 pagi hingga jam 1.05 petang dan 12.15 pada hari Jumaat. Pada hari Jumaat, waktu persekolahan disingkatkan bagi membolehkan guru dan murid lelaki yang beragama islam mengerjakan Fardhu Jumaat. Pada jam 2.30 petang pula, kedua-dua peserta kajian akan menghadiri kelas Fardhu Ain di sekolah agama rakyat yang berdekatan dengan rumah masing-masing.

Sungguhpun di dalam kelas mereka duduk berhampiran antara satu dengan lain, namun bentuk strategi yang mereka gunakan dalam usaha mereka memahami petikan yang dibaca, adalah berbeza. Ini adalah kerana setiap peserta datang dari latar belakang yang berbeza. Scenario latar belakang setiap peserta akan dipaparkan dalam bahagian yang selanjutnya.

Peserta Kajian Pertama: Kasim

Kasim ialah anak sulung dalam keluarga lima orang adik-beradik. Semasa kajian ini dijalankan, Kasim berumur 10 tahun 5 bulan. Sebelum masuk ke kelas 5S, Kasim pernah belajar di kelas 4E. Ini bermakna tahap pencapaian Kasim telah meningkat dalam peperiksaan akhir tahun darjah empat dan menyebabkan dia ditempatkan di kelas yang terbaik pada tahun lima.

Bapa Kasim ialah seorang kakitangan kerajaan berpangkat rendah, manakala ibunya pula ialah seorang suri rumah. Di rumah, Kasim banyak mendapat tunjuk ajar daripada ibunya. Untuk memproses sajak misalnya, Kasim telah menggunakan panduan yang diberikan oleh ibunya, iaitu “Mak kata kita ambil ayat ni sikit, kita fahamkan dulu. Ha... kita baca banyak-banyak, fahamkan. Ha... tu buat ayat sendiri. Ambil perkataan aja”. Oleh itu, walaupun guru tidak mengajarkan kepadanya secara eksplisit tentang cara-cara memproses sajak, namun Kasim dapat melakukannya dengan baik.

Di dalam kelas Kasim duduk di bahagian hadapan berhampiran dengan pintu masuk. Seorang murid India, yang juga merupakan ketua kelas 5S, duduk di sebelah Kasim. Berbanding dengan rakan-rakannya yang lain, Kasim adalah seorang yang pendiam dan bersopan-santun. Sungguhpun begitu, Kasim sering mengangkat tangan untuk membacakan petikan ataupun menjawab soalan.

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang digemarinya kerana dianggap mudah jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang lain.

Minatnya yang mendalam terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, terbukti apabila dia mendapat hadiah murid terbaik dalam ujian pemahaman bacaan, iaitu sebuah buku, semasa dia berada di tahun empat. Buku tersebut selalu digunakan sebagai rujukan mencari maksud perkataan yang sukar difahaminya.

Tunjuk ajar yang diterimanya di rumah, dan ditambah pula dengan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu telah mencorakkan bentuk strategi yang digunakan oleh peserta kajian ini semasa dia memahamkan sesuatu petikan.

Peserta Kajian Kedua: Salmah

Salmah berumur 10 tahun 8 bualan. Namun begitu, saiz badannya adalah sama dengan murid tahun empat. Menurut ibu saudaranya, Salmah menghidap penyakit susah bernafas. Walau bagaimanapun, sepanjang pemerhatian Salmah kelihatan sihat dan tidak pernah tidak hadir ke sekolah. Dia ialah anak ketiga dalam keluarga enam orang adik-beradik. Di rumah, selain daripada mendapat tunjuk ajar daripada ibunya, Salmah juga dapat bertanya kepada kakaknya. Seperti Kasim, bapa Salmah juga bekerja dengan kerajaan dan ibunya ialah seorang suri rumah. Di sekolah, Salmah merupakan seorang murid yang aktif dan suka mengambil bahagian dalam pertandingan bercerita.

Di dalam kelas Salmah duduk di barisan kedua dari hadapan, iaitu di belakang rakan sebelah Kasim. Semasa guru mengajar, tidak kira dalam aktiviti apa pun, Salmah suka mengambil bahagian. Umpamanya, dalam salah satu aktiviti set induksi, Salmah telah keluar ke hadapan kelas untuk bercerita. Lagipun, tidak seperti Kasim, Salmah nampaknya lebih bernasib baik kerana setiap kali pengajaran pemahaman bacaan berlangsung, Salmah pasti akan mendapat peluang membaca ataupun menjawab soalan. Perhatian yang diberikan oleh guru, serta sokongan yang diterimanya di rumah, telah menjadikan Salmah seorang yang berkeyakinan dan berani untuk tampil ke hadapan.

Hal-hal yang dibincangkan itu, telah mencorakkan bentuk strategi metakognitif pemahaman bacaan yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian ini.

Walaupun di dalam kelas mereka duduk berhampiran antara satu sama lain, namun bentuk strategi yang mereka gunakan dalam usaha mereka memahami sesuatu petikan adalah berbeza. Strategi yang peserta kajian itu gunakan diuraikan pada tiga peringkat, iaitu peringkat prabacaan, bacaan, dan pasca bacaan.

Strategi Pemahaman Bacaan Kasim

Peringkat Prabacaan

Pengajaran pemahaman bacaan biasanya dimulakan dengan aktiviti set induksi. Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997) menganggap peringkat ini sebagai peringkat yang merangsang dan menyediakan murid dengan tugas bacaan. Sehubungan itu, dalam kajian ini peringkat prabacaan ini dianggap sebagai peringkat guru mencari jalan untuk tahu apa yang murid tahu atau tidak tahu mengenai tajuk yang akan diajarnya. Dalam konteks kajian ini, guru selalunya meminta seorang murid melakonkan sesuatu atau bercerita di hadapan kelas. Tidak seperti Salmah, Kasim jarang melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti set induksi. Selain daripada mendengar dan memerhatikan apa yang dicerita atau dilakukan oleh rakan-rakannya, Kasim tidak banyak menggunakan strategi yang lain. Malah semasa ditanya tentang hubungan cerita yang dibawa oleh rakannya dengan pelajaran hari tersebut, Kasim tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan.

Dalam tajuk memahami rencana misalnya, seorang murid telah diminta menjadi penghibur dan melakonkan apa sahaja di hadapan kelas. Murid tersebut telah membuat suaranya seperti seorang kanak-kanak yang meminta duit raya daripada pihak tuan rumah. Apabila ditanya bagaimana lakonan rakannya itu dapat

membantu dia mengetahui serba-sedikit tentang bahan yang akan dibacanya, Kasim telah tidak dapat mengaitkan cerita tersebut dengan bahan yang dibaca itu. Oleh yang demikian, bentuk strategi yang Kasim gunakan pada peringkat ini hanya terhad kepada strategi mendengar dan melihat sahaja. Bentuk strategi yang Kasim gunakan mula terserlah sebaik sahaja guru meminta beberapa orang murid membaca petikan secara nyaring.

Peringkat Bacaan

Peringkat bacaan ini menurut Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997) ialah peringkat, “where students read and interact with text so that they can construct meaning from the text” (hlm. 103). Oleh itu, dalam konteks kajian ini peringkat bacaan ini dianggap bermula sebaik sahaja guru menyuruh murid membaca dan berakhir sebelum guru memasuki aktiviti bersoaljawab secara lisan.

Peringkat ini biasanya dimulakan dengan aktiviti bacaan nyaring oleh murid. Ini diikuti pula oleh bacaan nyaring oleh guru. Sambil membaca, guru turut membuat penjelasan terhadap sesuatu perkara yang difikirkan perlu. Pemerhatian menunjukkan murid di kelas 5S gemar dengan aktiviti bacaan nyaring, Setiap kali guru menyuruh murid membaca, mereka akan berebut-rebut mengangkat tangan. Seperti murid yang lain, Kasim juga turut berebut-rebut mengangkat tangan untuk membaca. Namun begitu, nasib Kasim tidak begitu baik. Boleh dikatakan Kasim jarang mendapat peluang membaca secara nyaring itu. Setiap kali guru memanggilkan nama murid lain sedangkan dia juga turut mengangkat tangan, Kasim kelihatan kecewa. Semasa ditanya mengapa dia kelihatan kecewa, Kasim menjawab, “Saya nak dengar saya baca sendiri. Bila saya sebut kata tu, baru saya faham”. Dalam hal ini, Kasim telah menggunakan strategi mendengar bacaannya sendiri.

Strategi mendengar bacaan sendiri.

Kepentingan membaca untuk pendengaran telinganya sendiri memang ketara apabila guru menyuruh murid membaca di dalam hati. Semasa rakan-rakannya yang lain membaca di dalam hati, Kasim pula didapati membaca dengan agak kuat iaitu kira-kira untuk pendengaran telinganya sendiri. Mulut Kasim kelihatan terkumat-kamit manakala anak matanya bergerak pantas dari kiri ke kanan mengikuti urutan ayat yang dibacanya.

Aktiviti membaca dalam hati walau bagaimanapun tidak kerap berlaku. Ini adalah kerana daripada sebelas pemerhatian, hanya tiga kali sahaja guru meminta murid membaca di dalam hati. Aktiviti membaca di dalam hati itu menurut Cikgu Zainun, akan ditekankan pada semester kedua. Ini adalah kerana, pada peringkat tersebut murid dianggap sebagai sudah mula menguasai cara-cara untuk menjawab soalan pemahaman. Lagipun, menurut Cikgu Zainun pada peringkat tersebut murid mula menghampiri tahun enam dan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Oleh itu, pada semester kedua nanti, aktiviti membaca dalam hati akan digiatkan bagi membantu mereka menjawab soalan pemahaman UPSR itu. Namun begitu, disebabkan kajian ini hanya melibatkan semester satu sahaja, oleh itu apa yang dinyatakan oleh Cikgu Zainun itu tidak dapat dipastikan.

Strategi merujuk kepada bantuan buku lain.

Semasa rakan-rakannya yang lain sedang membaca, Kasim diperhatikan tidak mengikuti bacaan rakannya dengan sepenuh hati. Sekali-sekali dia kelihatan membalik-balikkan muka surat sebuah buku yang lain. Selepas itu Kasim

mencatatkan sesuatu di dalam bahan yang sedang dibacanya. Setelah ditemu bual didapati bahawa Kasim merujuk kepada buku tersebut bagi mencari erti perkataan yang dia tidak faham. Buku yang diperolehnya sebagai hadiah itu, mempunyai satu bahagian yang berkaitan dengan sinonim di dalamnya. Ini bererti sebelum guru membincangkan erti perkataan yang sukar, Kasim telah pun terlebih dahulu mencari erti perkataan yang dia tidak faham.

Dalam satu kejadian umpamanya, Kasim telah menjeritkan kata ‘bahaya’ bagi menerangkan erti perkataan ‘risiko’ sedangkan rakan-rakannya yang lain menyebut kata-kata yang kurang tepat, seperti ‘kadar’, ‘kuasa’, dan ‘punca’. Justeru, Kasim telah mendahului rakan-rakannya yang lain dan seterusnya memastikan proses pemahamannya berjalan lancar dengan cara membuat rujukan sendiri semasa dia sedang menghadapi masalah memahami perkataan yang dia baru jumpa.

Strategi menggunakan bantuan gambar.

Sebagaimana dapatan kajian Brenna (1995) serta dapatan kajian Almasi, McKeown, dan Beck (1996), dapatan kajian ini juga menunjukkan adanya penggunaan bantuan gambar. Semasa membaca sajak tentang nelayan misalnya, Kasim telah menggunakan bantuan gambar yang ada bagi membantu dia memahami keadaan hidup yang nelayan ingini. Kasim telah menyatakan bahawa sekiranya terdapat gambar dalam sesebuah petikan, lebih mudah pula dia memahami cerita tersebut. Hal tersebut jelas dilihat melalui kata-katanya ini, “Ni ada gambar. Kalau ada gambar, senang sikit”. Dengan itu, strategi menggunakan bantuan gambar telah mencepatkan lagi proses pemahaman Kasim

Strategi menggunakan kata kunci.

Memahami bahan bacaan adalah berkait rapat dengan memahami tujuan pengarang. Dalam hal ini, Kasim telah menggunakan tanda-tanda yang terdapat dalam sesuatu ayat. Umpamanya, untuk memahami tema sajak yang dibacanya, Kasim telah memilih frasa ‘anak warisan nelayan’ sebagai kata kuncinya. Melalui frasa tersebut, Kasim menyimpulkan yang tema sajak tersebut adalah berkaitan dengan kehidupan nelayan.

Daripada frasa ‘kuhadapi penuh cabaran pula, Kasim membuat andaian bahawa hidup nelayan biasanya adalah miskin dan susah. Pendek kata, untuk membantu dia memahami beberapa aspek tertentu dalam bahan yang dibacanya, Kasim telah menggunakan kata kunci sebagai panduan.

Mengaitkan pengalaman sedia ada dengan bahan bacaan.

Sungguhpun struktur ayat di dalam petikan berbentuk sajak sukar difahami, namun disebabkan Kasim berupaya menyepadukan bahan yang dibacanya dengan pengalaman hidupnya sendiri, oleh itu Kasim telah dapat memahami sajak tersebut dengan baik. Pengaruh pengalaman sedia ada ini, pernah dilihat dalam kajian Almasi, McKeown, dan Beck (1996). Ketiga-tiga pengkaji tersebut mendapati yang peserta kajian mereka mudah memahami bahan yang mereka baca apabila cerita itu dikaitkan dengan filem yang telah mereka tonton. Dalam kajian ini pula, Kasim telah mengaitkan kedaifan hidup nelayan dengan pengalaman yang pernah dialaminya. Semasa sedang bercuti di Pulau Pangkor bersama-sama keluarganya, Kasim telah melalui sebuah perkampungan nelayan. Menurut Kasim, “Saya pernah tengok rumah nelayan. Kecil dan kayu dia jarang-jarang”. Lantaran itu Kasim telah

dapat memahami bahan bacaannya jauh lebih baik daripada rakan-rakannya yang tidak mempunyai pengalaman yang sedemikian.

Selari dengan pengalaman sendiri itu ialah pengetahuan sedia ada pula. Cerita hidup nelayan yang sentiasa berada dalam kemiskinan menurut Kasim ialah cerita biasa. Tambahnya lagi, “maknanya bila cerita nelayan tu memang susahlah. Nelayan tu biasanya apa orang kata ha...kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ha...macam tulah”. Oleh yang demikian, Kasim telah dapat memahami petikan yang dibacanya dengan mudah kerana dia dapat mengaitkan bahan yang baru dibaca itu dengan pengalaman dan pengetahuan sedia adanya.

Peringkat Pasca Bacaan

Sekiranya peringkat bacaan merujuk kepada peringkat murid dan guru membaca sesuatu petikan, peringkat pasca bacaan pula disifatkan oleh Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997) sebagai peringkat yang merangsang murid melakukan sesuatu terhadap bahan yang telah mereka baca. Dengan perkataan yang lain, peringkat pasca bacaan merujuk kepada peringkat pengukuhan. Walau bagaimanapun, disebabkan dalam kajian ini guru tidak menjalankan apa-apa aktiviti pengukuhan, oleh itu peringkat pasca bacaan itu dikira bermula sebaik sahaja guru habis membaca dan mula bersoaljawab dengan murid secara lisan. Peringkat ini lazimnya diakhiri dengan aktiviti latihan bertulis.

Sebagaimana yang terdapat dalam aktiviti bacaan nyaring, semasa aktiviti bersoaljawab secara lisan ini, murid kelas 5S juga berebut-rebut mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang guru ajukan. Begitu juga dengan Kasim.

Strategi mengulang bacaan.

Sebaik sahaja guru menyoal, Kasim kelihatan membaca semula soalan yang guru bacakan itu. Kemudian dia membalik-balikkan muka surat yang dibaca dan seterusnya menumpukan perhatian ke arah suatu bahagian petikan. Menurut Kasim dia mengulang bacaannya kerana, “Kalau saya ingat, saya terus tulis jawapannya. Tapi kalau tak ingat, saya buka semula muka surat tu. Saya baca balik.” Oleh itu, Kasim telah mengulang bacaan bagi mencari jawapan yang tersurat dalam petikan yang dibacanya.

Penelitian yang seterusnya menunjukkan bahawa Kasim tidak membaca keseluruhan petikan. Sebaliknya pula, dia memilih untuk membaca bahagian-bahagian yang tertentu sahaja. Bagi Kasim, “Saya baca dekat tempat dialah.” Ditanya lebih lanjut lagi tentang cara-cara dia mencari bahagian tersebut, Kasim menerangkan, “Tadi kan dah baca, jadi saya ingat baliklah. Tak payah baca semua balik. Ambil yang berkenaan sajalah. Buang masa aja kalau baca semua balik.” Pendek kata, untuk membantu dia mencari bahagian yang perlu dibacanya semula, Kasim telah menggunakan daya ingatannya. Lantaran itu, dia dapat mencari bahagian tersebut dengan mudah.

Strategi menggaris dan membuat catatan.

Dalam aktiviti bersoaljawab secara lisan, guru biasanya membimbing murid ke arah jawapan yang betul. Pada masa itu, Kasim tekun mendengar apa yang dikatakan oleh rakan dan gurunya. Sekali-sekala, dia kelihatan menggariskan ayat-ayat tertentu dan dalam keadaan yang lain pula, dia membuat catatan. Semasa ditemu bual Kasim menyatakan, “Bila jawapan dia ada dalam buku, saya gariskan

saja, tapi kalau tak ada, saya tulislah”.

Justeru, bagi memudahkan dia menjawab soalan secara bertulis nanti, Kasim telah menggariskan jawapan yang diberikan oleh rakan atau gurunya. Bagi jawapan yang tidak ada di dalam petikan, Kasim mencatatkan pula jawapan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya jawapan yang diberikan oleh rakannya itu salah dan setelah dibincangkan oleh guru, Kasim akan memadamkan jawapan tersebut dan seterusnya menulis balik jawapan yang guru berikan.

Strategi menggunakan konteks makna perkataan.

Soalan yang digunakan untuk menilai tahap pemahaman murid biasanya dibuat dalam pelbagai bentuk. Bahagian awal soalan misalnya adalah berbentuk objektif. Ini diikuti pula dengan soalan berbentuk subjektif. Lazimnya jawapan bagi soalan objektif adalah hampir sama dan pelajar perlu berhati-hati semasa memilih jawapan yang tepat.

Dalam satu pemerhatian, Kasim telah meneriakkan jawapan yang dikehendaki oleh guru sedangkan rakan-rakannya telah memberikan jawapan yang lain. Semasa ditanya bagaimana dia telah mendapat jawapan tersebut, Kasim menjelaskan, “Sebab nak pegang jawatan tu memanglah mesti cerdik dan berkebolehan. Sebab dalam B tu dia tulis cerdik saja sedangkan dia mestilah dipilih kerana kebolehannya juga”. Dengan perkataan yang lain, Kasim telah melihat perbezaan makna perkataan ‘cerdik’ dan ‘berkebolehan’ bagi membantu dia mendapatkan jawapan yang tepat.

Strategi merumus.

Bahagian kedua soalan pemahaman biasanya adalah berbentuk subjektif. Salah satu soalan subjektif itu menghendaki murid menyenaraikan isi-isi penting. Dalam soal mencari isi penting ini, Kasim telah memilih ayat judul sebagai isi pentingnya. Cara yang Kasim gunakan untuk mencari ayat judul itu ialah, “Mula-mula kita cari isi yang menceritakan tentang cerita itulah. Lagipun isi penting tu boleh merangkum isi-isi lain. Lepas tu kita buat ayat kitalah. Kita sambung isi-isi tu jadi satu cerita.”

Oleh itu, Kasim telah memilih isi pentingnya berdasarkan ayat judul sesuatu perenggan. Ayat tersebut dikatakan sebagai merangkumi semua ayat-ayat lain. Ayat judul dalam semua perenggan itu pula dicantumkan dengan menggunakan ayat-ayatnya sendiri. Dengan perkataan yang lain, bagi membantu dia memahami, Kasim telah merumuskan apa yang dibacanya dengan perkataannya sendiri.

Strategi Pemahaman Bacaan Salmah

Selain daripada Kasim, bentuk strategi yang digunakan oleh Salmah semasa melalui proses pemahaman bacaan juga telah diteliti. Sebagaimana dengan kes Kasim, bentuk strategi yang Salmah gunakan itu juga dibahagikan mengikut tiga peringkat bacaan, yakni prabacaan, bacaan, dan pasca bacaan.

Peringkat Prabacaan

Berbeza daripada Kasim yang lebih suka menjadi penonton pada peringkat prabacaan, Salmah pula suka mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan.

Dalam salah satu set induksi misalnya, Salmah telah diminta menceritakan semula kepada rakan-rakannya kisah Nabi Sulaiman dengan Ratu Balkis. Cerita tersebut telah membantu Salmah menjadi johan pertandingan bercerita antara sekolah-sekolah di Zon Gombak. Kebolehannya itu telah membuatkan Salmah sering mendapat perhatian daripada Cikgu Zainun.

Sebagaimana Kasim, penggunaan strategi Salmah pada peringkat ini juga adalah terhad. Selain daripada menggunakan strategi mendengar, memerhati, dan bercerita, Salmah tidak pula mempamerkan penggunaan strategi yang lain. Bentuk strategi yang Salmah gunakan hanya kelihatan jelas pada peringkat bacaan.

Peringkat Bacaan

Tidak seperti Kasim yang jarang mendapat peluang membaca secara nyaring, Salmah pula selalu diberi peluang dalam aktiviti ini. Peluang membaca secara nyaring itu telah membantu Salmah memahami bahan yang dibacanya. Oleh itu, strategi pertama yang Salmah gunakan ialah strategi mendahului bacaan rakan-rakannya yang lain.

Strategi membaca lebih awal.

Pemerhatian menunjukkan bahawa semasa murid pertama membacakan petikan secara nyaring, Salmah kelihatan mendahului bacaan rakannya itu. Ini dapat dilihat melalui ayat-ayat yang ditunjuknya. Mengikut Salmah, “Saya suka baca dulu. Saya nakkan pemahaman yang lebih. Nanti bila kawan baca, saya dengar juga.” Ini bermakna Salmah hendak mendahului bacaan rakannya itu dengan cara membaca petikan tersebut di dalam hatinya. Tambahan pula, guru jarang

membenarkan murid membaca petikan lebih awal sebelum membacanya secara nyaring. Oleh itu, Salmah membuat keputusan membacanya sendiri.

Hal tersebut walau bagaimanapun, terjadi pada peringkat awal bacaan. Selepas dia habis membaca petikan itu sekali lalu, Salmah akan mengikuti bacaan rakannya pula. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa berbeza daripada Kasim, Salmah pula suka membaca dalam hati dahulu bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang cerita yang dibacanya.

Strategi menunjuk ayat yang dibaca.

Sekiranya Kasim suka mendengar bacaannya sendiri bagi membantu dia memaham, Salmah pula suka menunjuk setiap kata yang dibacanya atau yang dibaca oleh rakannya dengan menggunakan belakang sebatang pensel. Perkara ini walau bagaimanapun, hanya dilakukan dalam bacaan kali pertama.

Tujuan Salmah berbuat demikian menurut katanya ialah, “Mungkin saya tersalah baris atau tertinggal perkataan”. Jadi bagi memastikan dia tidak tertinggal mana-mana baris, Salmah telah memilih untuk menunjuknya. Sekiranya tersalah baca, bahan tersebut mungkin sukar difahami.

Strategi menggunakan bantuan tajuk kecil.

Sekiranya Kasim telah menggunakan gambar bagi membantu dia memaham, Salmah pula diperhatikan lebih suka menggunakan bantuan tajuk kecil. Contohnya semasa ditanya bahan yang dibacanya adalah tentang cerita apa, Salmah telah mengatakan, “tentang politik” sedangkan perkataan tersebut tidak ada pun tertulis di dalam petikan yang dibacanya. Perkataan tersebut sebenarnya ada tercatat dalam

satu bulatan kecil di sudut atas bahan bacaan. Ini bererti sambil membaca, Salmah telah membuat imbasan. Salmah telah menggunakan tajuk kecil itu bagi membantu dia menjuruskan pandangan ke arah tema yang hendak disampaikan oleh pengarang. Langkah tersebut telah membantu Salmah memahami bahan yang dibacanya.

Strategi menggariskan perkataan yang sukar difahami.

Ketika murid lain membaca secara nyaring, Salmah kelihatan menggariskan perkataan yang baru dijumpainya. Umpamanya, Salmah pernah menggariskan perkataan 'berprestij, sofistikated, spesifikasi, dan krisis'. Salmah menggariskan kata-kata yang sukar difahaminya itu bagi memudahkan dia mencari makna perkataan tersebut apabila masa membenarkannya.

Antara langkah-langkah yang Salmah ambil bagi memastikan dia memahami kata-kata yang telah digariskan itu termasuk menggunakan konteks ayat ataupun bertanya maksud kata tersebut kepada rakan-rakannya.

Strategi mencari makna perkataan dengan menggunakan konteks ayat.

Tidak seperti Kasim yang suka merujuk kepada buku tambahan sekiranya dia tidak memahami maksud sesuatu perkataan, Salmah pula suka mencari makna perkataan tersebut dengan menggunakan konteks ayat. Misalnya apabila ditanya adakah dia tidak memahami maksud kata 'Majlis Keselamatan' sehingga menyebabkan dia dan juga murid lain tidak memahami soalan yang diberikan, Salmah terus menjawab, "Bukan saya tak faham, saya tahu tapi tak kena dengan ayat. Saya nak tentukan kata tu dengan ayatnya". Ditanya lebih lanjut tentang mengapa makna tersebut mesti sesuai dengan ayat, Salmah berkata, "Nanti lain pula

maksud dia”.

Oleh itu, bagi Salmah makna perkataan dicari berdasarkan kesesuaiannya dalam konteks ayat. Sekiranya dia masih tidak tahu akan makna perkataan yang sukar difahami itu walaupun telah menggunakan bantuan konteks ayat, Salmah akan mengubah strateginya dengan cara bertanya kepada rakan di sebelahnya pula.

Strategi perbincangan.

Bertanya atau berbincang dengan rakan di sebelahnya merupakan jalan mudah bagi Salmah mengatasi masalah pemahamannya. Kedudukan tempat duduk secara berpasangan itu memudahkan Salmah berbuat demikian. Umpamanya dalam petikan yang bertajuk ‘Bahaya Merokok’, Salmah telah bertanya kepada rakan di sebelahnya akan maksud istilah teknikal seperti asbestos, nikel, arsenik, dan uranium. Rakannya itu telah menjelaskan maksud istilah tersebut dengan cara merangkumkannya sebagai “bahan-bahan yang terdapat dalam rokoklah”. Salmah kelihatan berpuas hati dengan penjelasan rakan di sebelahnya itu.

Salmah mengambil keputusan bertanya kepada rakan di sebelahnya kerana cara itu adalah lebih cepat daripada bertanya kepada guru. Lagipun menurut Salmah, kadangkala dia tidak sempat hendak bertanya kepada guru. Oleh itu bagi memastikan proses pemahamannya berjalan lancar pada peringkat bacaan ini, Salmah telah bertanya kepada rakan di sebelahnya.

Secara keseluruhannya, seperti Kasim, Salmah juga telah menggunakan pelbagai bentuk strategi bagi memahami sesuatu petikan pada peringkat bacaan. Antara strategi yang digunakan itu ialah strategi membaca lebih awal daripada rakannya yang lain, menunjuk setiap ayat yang dibacanya, menggunakan bantuan tajuk kecil, menggariskan perkataan yang sukar difahami, mencari makna perkataan

dengan menggunakan konteks ayat, dan strategi perbincangan.

Peringkat Pasca Bacaan

Sebagaimana yang terdapat dalam aktiviti prabacaan dan bacaan, pada peringkat pasca bacaan ini juga Salmah sering melibatkan dirinya. Kadangkala jawapan yang diberikan adalah seperti yang dikehendaki oleh guru dan ada kalanya pula jawapan Salmah tidak sama dengan jawapan guru.

Strategi mengulang bacaan.

Sebagaimana Kasim, Salmah juga didapati telah menggunakan strategi mengulang bacaan. Walau bagaimanapun, berbeza daripada Kasim yang membaca sesuatu perenggan, Salmah pula telah mengecilkan skopnya dengan membaca ayat tertentu sahaja. Tujuan Salmah membaca ayat tersebut ialah, “Saya nak tahu jawapan dia. Saya dah ada jawapan tapi saya nak pastikanlah”. Ini bermakna, sebelum membaca semula, Salmah sudah pun mempunyai rangka jawapan di dalam kepalanya sendiri. Dia membaca balik ayat-ayat tertentu bagi memastikan kebenaran jawapannya itu. Hal ini jelas dilihat melalui kata-katanya ini, “Saya baca balik ayat yang berkenaan untuk memastikan jawapan saya betul atau tidak.”

Salmah mencari ayat tersebut berdasarkan beberapa frasa yang diambil daripada soalan. Mengikut katanya, “Saya patahkan balik soalan itu. Macam kalau soalan dia kata, dalam kumpulan manakah labah-labah tergolong, ha...saya ambillah labah-labah tergolong dalam kumpulan.... Lepas tu saya bacalah ayat yang menerangkan tentang kumpulan labah-labah tu”. Oleh itu, Salmah telah

menggunakan frasa-frasa yang terdapat dalam soalan bagi membantu dia mencari jawapannya.

Strategi menggunakan ayat judul.

Dalam usahanya memahami idea utama yang hendak disampaikan oleh pengarang, Salmah telah cuba memilih ayat judul dalam sesuatu perenggan. Cara yang digunakannya ialah,

Mula-mula saya tengok satu ayat tu. Saya cuba buang dulu ayat tu. Kemudian saya cari ayat yang lain. Kalau macam tak lengkap tu, ha...itu maknanya ayat tu penting. Kalau macam ayat Raja Sulaiman akan menghukum siapa saja yang membunuh labah-labah, ayat tu rasanya tergantung sebab tak pasal-pasal timbul cerita tu aja kan? Maknanya kalau tak ada ayat tu, cerita dia tu tergantunglah.

Ini menunjukkan yang Salmah dapat mengenal idea utama yang hendak disampaikan oleh pengarang, melalui ayat judul sesuatu perenggan. Ayat judul itu pula dikenal pasti melalui kepentingannya dan tanpa ayat tersebut, seperti mana yang dijelaskan oleh Salmah, cerita dalam sesuatu perenggan itu akan menjadi tidak lengkap.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa walaupun mereka tidak diajarkan tentang strategi yang boleh digunakan untuk memahami sesuatu petikan, namun Kasim dan Salmah masih mampu menggunakannya dalam usaha mereka memahami bahan yang mereka baca. Kasim didapati telah menggunakan strategi mendengar bacaan sendiri, merujuk kepada bantuan buku lain, menggunakan bantuan gambar, menggunakan kata kunci, mengaitkan pengalaman sendiri dengan bahan yang dibaca, menggaris dan membuat catatan, menggunakan konteks makna perkataan, dan merumus. Salmah pula telah menggunakan strategi membaca lebih awal, menggariskan perkataan yang sukar difahami, menggunakan konteks ayat, perbincangan, mengulang bacaan, dan menggunakan ayat judul.

Setelah mengetahui tentang bentuk strategi yang peserta kajian gunakan pada

peringkat prabacaan, bacaan, dan pasca bacaan, bahagian yang berikut pula akan menghuraikan aspek kesedaran peserta kajian terhadap strategi yang mereka gunakan itu.

Kesedaran Kasim terhadap Strategi Pemahaman Bacaan

Baker dan Brown (1984) melihat faktor kesedaran ini sebagai komponen pertama model metakognisi mereka. Kesedaran tersebut menurut pengkaji akan membolehkan pembaca menggunakan mekanisme pengawalan sendiri bagi membantu mereka memaham. Mekanisme pengawalan sendiri itu pula termasuk dalam komponen kedua model mereka. Sejajar dengan pandangan tersebut, kesedaran pembaca dalam kajian ini disifatkan sebagai keupayaan pembaca mengenali strategi apa yang boleh mereka gunakan untuk memahamkan sesuatu bahan bacaan, kebolehan mengaitkan mengapa mereka menggunakan strategi tersebut, dan kesedaran tentang bagaimana mereka telah menggunakan atau boleh menggunakan sesuatu strategi.

Sehubungan itu, dalam konteks kajian ini Kasim didapati memang sedar tentang apa yang dilakukannya. Hal ini jelas dilihat melalui jawapan yang diberikan ketika ditanya tentang sesuatu perbuatan, baik pada peringkat prabacaan, peringkat bacaan mahupun pada peringkat pasca bacaan. Pada peringkat prabacaan misalnya, Kasim telah menyatakan bahawa dia tidak nampak akan hubungan aktiviti prabacaan yang guru adakan dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut. Ketika ditanya tentang hubungan watak yang dilakurkan oleh rakannya dengan tajuk pelajaran hari tersebut, Kasim menyatakan "Entah, saya pun tak tahu apa hubungan cerita Ahmad itu dengan cerita yang kita baca tu". Jawapan Kasim itu telah menunjukkan dia sedar akan kaitan cerita yang dibawa oleh rakannya itu dengan pelajaran pada hari tersebut.

Selain itu, kesedaran Kasim terhadap tahap pemahamannya juga dapat dilihat apabila dia mengubah penggunaan sesuatu strategi kepada bentuk strategi yang lain pada peringkat bacaan. Ini menunjukkan yang Kasim sedar tentang masalah pemahaman yang dihadapinya. Setelah menyedari masalah yang dihadapinya, Kasim telah menukar strategi yang digunakan dengan strategi yang lain. Brenna (1995) menamakan strategi gantian yang digunakan itu sebagai “repaired strategies”. Dalam usaha dia memahamkan maksud sesuatu perkataan misalnya, Kasim telah merujuk kepada bantuan buku lain bagi membantu dia mencari erti perkataan yang baru dikenalnya. Sekiranya maksud perkataan itu tidak dijumpainya, dia mengubah strategi itu dengan cara bertanya kepada rakan-rakannya pula. Ini jelas dilihat melalui kata-katanya ini, “Kadang-kadang tanya kawan, kadang-kadang cari dalam kamuslah.”

Pada peringkat pasca bacaan pula, Kasim diperhatikan telah menggariskan jawapan yang ada dalam petikan. Apabila jawapan bagi sesuatu soalan itu tidak terdapat dalam petikan, Kasim mencatatkannya pula. Semasa ditanya kenapa kadangkala dia menggariskan jawapan yang ada dalam bahan bacaan dan kadangkala dia menuliskannya pula, Kasim menjelaskan bahawa sekiranya jawapan yang guru bacakan itu ada tersurat dalam petikan yang dibacanya, Kasim menggariskan sahaja ayat-ayat yang berkaitan dengan jawapan itu tetapi sebaliknya pula, sekiranya jawapan tersebut tidak terdapat dalam bahan yang dibaca, Kasim mencatatkan pula jawapan yang diteriakkan oleh guru. Perbuatan menukar sesuatu strategi kepada satu strategi yang lain, menunjukkan Kasim tahu apa yang perlu dilakukannya. Justeru, dia dapat mengambil langkah-langkah pembetulan jika diperlukan.

Tahap kesedaran Kasim itu walau bagaimanapun, hanya berada pada tahap mengenal masalah pemahaman yang dihadapinya dan mengenali strategi yang digunakannya sahaja. Bagi mencari isi penting misalnya, Kasim tahu yang dia harus

melihat kepentingan sesuatu ayat. Ayat itu dikatakan sebagai merangkumi ayat-ayat yang lain, tetapi disebabkan guru tidak mengajarkannya tentang cara-cara untuk mengenal isi tersebut, Kasim telah menerima sahaja jawapan guru walaupun pada hakikatnya dia tidak bersetuju dengan jawapan yang guru berikan itu. Ini jelas dilihat melalui kata-katanya ini, “Tadi saya ingat ayat yang pertama tu lagi penting. Lagipun, ayat tu boleh merangkum semua isi-isi yang lain”. Ini bermakna sebagaimana peserta dalam kajian Kucan dan Beck (1996), peserta dalam kajian ini juga sedar tentang apa yang dilakukannya. Kasim misalnya, tahu tentang cara-cara untuk mengenal idea utama dalam sesuatu perenggan, tetapi disebabkan guru tidak mengajarkannya dan ditambah pula guru telah membacakan jawapan sesuatu soalan, oleh itu tahap kesedaran Kasim tentang bagaimana sesuatu jawapan itu dipilih adalah tidak begitu mendalam. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa selain daripada mengenal masalah dan strategi yang digunakan, Kasim jarang dapat menjelaskan mengapakah, bilakah, atau bagaimanakah dia menggunakan sesuatu strategi.

Kesedaran Salmah terhadap Strategi Pemahaman Bacaan

Seperti Kasim, Salmah juga sedar tentang apa yang dilakukannya. Pada peringkat prabacaan umpamanya, Salmah telah dapat mengaitkan pantun yang disebutkannya dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan guru kurang berupaya mencungkil pengetahuan sedia ada murid dengan mendalam, oleh itu tahap kesedaran Salmah juga boleh dikatakan sebagai tidak begitu mendalam. Selain daripada menyatakan yang tajuk pelajaran pada hari tersebut juga adalah mengenai pantun, Salmah tidak dapat menjelaskan bagaimana pantun yang terdapat dalam ceritanya itu membantu dia memahami pantun yang

dipelajarinya.

Kesedaran Salmah terhadap tahap pemahamannya itu telah membantu dia menukar sesuatu strategi dengan strategi lain yang lebih sesuai. Pada peringkat bacaan misalnya, Salmah telah menggunakan konteks ayat bagi mencari perkataan lain yang seerti dengan kata yang baru dijumpainya. Sekiranya cara itu tidak berkesan, Salmah mengubah strategi dengan bertanya kepada kawan ataupun mendengar penjelasan guru pula. Ini bermakna, seperti peserta dalam kajian yang telah ditinjau (Almasi, McKeown, & Beck 1996; Kucan & Beck, 1996; Brenna, 1995; MacGillivray, 1997) itu, peserta kedua dalam kajian ini juga sedar tentang masalah pemahaman yang dihadapinya. Kesedaran itu pula, telah membantu Salmah menggunakan sesuatu strategi secara anjal

Di samping itu, penelitian juga menunjukkan yang Salmah dapat memantau tahap pemahamannya dengan baik pada peringkat pasca bacaan.. Dalam satu perbualan misalnya, Salmah telah memberikan rasional dia melihat buku rakan di sebelahnya. Mengikut Salmah,

Saya tengok jawapan dia sama tak hem...saya dah ada jawapan sendiri. Saya nak pastikanlah yang jawapan saya tu betul. Lepas tu nanti saya nilai baliklah mana yang betul. Saya tengoklah sama ada jawapan yang kawan saya berikan tu betul atau tidak.

Ini menunjukkan yang Salmah tahu mengapa dia melakukan sesuatu perbuatan seperti melihat jawapan rakannya itu. Jika peserta kajian Kucan dan Beck (1996) dapat menyatakan kekeliruannya tentang ayat yang dibacanya, Salmah pula dapat menjangkakan yang jawapannya adalah kurang tepat. Dalam contoh yang lain pula, Salmah kelihatan berbincang dengan rakan di sebelahnya. Selepas itu dia kelihatan memadamkan jawapannya pula. Apabila ditanya tentang perbuatannya itu, Salmah memberikan alasan yang berikut,

Mula-mula saya buat C. Lepas tu dia buat B. Saya tanya kenapa? Lepas tu dia beritahulah. Sebabnya yang ni (jawapan B) merangkumi semua. Yang ni (jawapan C) sikit aja. Lepas tu saya betulkan

baliklah”.

Kesedaran tentang perbezaan jawapan dia dengan jawapan rakan disebelahnya, telah membuatkan Salmah membetulkan jawapannya semula selepas berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan. Dalam hal ini, Salmah tidak meniru jawapan rakannya itu secara membabi buta tetapi dia telah meminta penjelasan dari rakannya dahulu sebelum menukar jawapan.

Sebagaimana Kasim, Salmah juga didapati sukar menjelaskan bagaimana dia memahami sesuatu bahagian petikan, kecuali dalam satu contoh, iaitu semasa menggunakan panduan ayat judul. Dalam kes pemilihan ayat judul, Salmah telah dapat menyatakan bagaimana dia mengenal idea yang hendak disampaikan oleh pengarang, iaitu dengan mengenal pasti kepentingan ayat judul itu dalam sesuatu perenggan. Cara yang digunakannya ialah, “Saya pilih ayat yang mula-mula sekali sebab kalau nak ikutkan, yang ni boleh buat tajuk tu. Jadi, saya ingat ia jadi isi penting. Sebab selalunya tajuk ha...kalau dah ada tajuk ha...perkataan tajuk tu digunakan hem...diulang balik”. Dalam perkataan yang lain, Salmah mengecam isi penting dalam perenggan yang pertama dengan cara mengaitkan ayat-ayat yang terdapat di dalam perenggan itu dengan tajuk bahan yang dibacanya. Tanpa ayat tersebut menurut Salmah, sesuatu cerita itu akan menjadi tergantung. Ini bermakna Salmah tahu tentang cara-cara untuk mengecam ayat judul walaupun dia tidak pernah diajarkan tentang cara tersebut. Walau bagaimanapun, contoh yang seperti ini adalah terhad kepada contoh tersebut sahaja sepanjang pemerhatian dan temu bual dijalankan.

Rumusan

Sebagai rumusan dapat dikatakan bahawa walaupun guru tidak mengajarkan

secara eksplisit tentang strategi pemahaman bacaan yang dapat meningkatkan tahap pemahaman mereka, Kasim dan Salmah masih mampu menggunakan pelbagai jenis strategi

Selain itu, penelitian juga membuktikan yang kedua-dua peserta kajian memang sedar tentang strategi yang mereka gunakan itu. Kesedaran tersebut telah membolehkan mereka mengambil tindakan pembetulan apabila diperlukan dengan cara menukar strategi yang mereka gunakan dengan strategi lain yang lebih berkesan.

Perbincangan lanjut tentang penemuan kajian ini akan dibuat dalam bab yang seterusnya. Di samping itu, bab lima juga akan memaparkan aspek implikasi dan cadangan kajian.